

Nama: .....

Kelas: .....



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SERIAN

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2022

SEJARAH

Kertas 1

November

1 Jam

1249/1

---

---

**JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak**

1 Berikut adalah upacara yang diamalkan dalam Kerajaan Srivijaya.

“ ... air dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu dan mengalir di corong di bawahnya. Air tersebut akan ditadah dan diminum oleh rakyat ...”

Apakah tujuan upacara tersebut dijalankan?

- A Mempertahankan kedaulatan
- B Mengukuhkan keagamaan
- C Menunjukkan kesetiaan
- D Menabalkan pemerintah

2 Lambang kebesaran merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka. Antara berikut, yang manakah merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka?

- I Nobat
- II Bahasa
- III Tombak
- IV Regalia
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Nasionalisme sesebuah negara amat penting untuk diperjuangkan kerana melahirkan semangat cinta akan negara.

Bagaimanakah semangat nasionalisme sesebuah negara diperjuangkan?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mewujudkan negara bangsa
- C Menekankan kekerasan senjata
- D Menggunakan persamaan kebudayaan

4 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar pemerintahan di Thailand.

	
Raja Mongkut	Raja Chulalongkorn
Melaksanakan birokrasi Barat	Meneruskan dasar terbuka

Mengapakah pemerintah Thailand melaksanakan dasar-dasar tersebut?

- A Memansuhkan hak wilayah asing
- B Mengekalkan warisan budaya
- C Mempertahankan kedaulatan
- D Menghapuskan kapitalis Barat

- 5 Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman melancarkan serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.  
Mengapakah Rusia menjadi sasaran Jerman?
- A Untuk menjayakan cita-citanya menguasai seluruh Eropah.
  - B Untuk menguasai jalan perdagangan darat ke China.
  - C Untuk menguasai kekayaan sumber minyak Rusia.
  - D Untuk menghapuskan fahaman komunisme.

- 6 Apakah faktor kedatangan Jepun ke negara kita?
- A Tanah Melayu merupakan tanah jajahan British.
  - B Kedudukan Tanah Melayu yang strategik untuk ketenteraan.
  - C Mendapat sokongan dan bantahan daripada penduduk tempatan
  - D Jepun ingin membalas dendam terhadap negara kita.

- 7 Tokoh berikut pernah dilantik oleh British untuk menjalankan tugas di negara kita.

**H.C. Willan**

Apakah kesan daripada pelantikan tokoh tersebut?

- A Merintis jalan ke arah penubuhan Majlis Raja-Raja Melayu.
  - B Memulakan penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan.
  - C Memudahkan pelaksanaan pentadbiran Malayan Union.
  - D Memisahkan Singapura daripada pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.
- 8 Pembentukan Malayan Union pada tahun 1946 menimbulkan rasa tidak puas hati oleh orang Melayu.  
Jika anda berada dalam situasi tersebut, apakah langkah anda untuk menentang penubuhan tersebut?
- I Menyertai upacara pelantikan Gabenor British
  - II Mendapatkan sokongan dari negara luar
  - III Menghidupkan persatuan Melayu
  - IV Mengadakan Kongres Melayu
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 9 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948?
- I Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union
  - II Sikap politik orang Melayu yang sederhana
  - III Sokongan golongan Melayu radikal
  - IV Gesaan pedagang asing
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 10** Apakah cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam penubuhan Persekutuan Tanah Melayu?
- I** Residen Jeneral berkuasa dalam perundangan
  - II** Majlis Raja-Raja berkuasa penuh dalam pemerintahan negara
  - III** Penubuhan persekutuan bertaraf naungan bukan tanah jajahan
  - IV** Perkataan negeri-negeri Melayu muncul dalam persekutuan yang baharu
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
- 11** Pernyataan berikut menerangkan prinsip kerakyatan.
- Dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, prinsip jus soli turut diberikan kepada Rakyat British.
- Rakyat British merujuk kepada mereka yang lahir dari negeri...
- A** Negeri Sembilan
  - B** Pulau Pinang
  - C** Selangor
  - D** Pahang
- 12** Apakah ciri-ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I** Kerakyatan sama rata bagi semua
  - II** Singapura disatukan dengan Tanah Melayu
  - III** Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi
  - IV** Pembentukan Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
- 13** Bagaimanakah Sistem Ahli dapat memperkukuh perpaduan rakyat?
- A** Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan
  - B** Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
  - C** Undang – undang antiperkauman digubal
  - D** Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas

14 Gerakan politik berikut terlibat dalam kerjasama politik ke arah kemerdekaan.

- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan

Apakah tujuan gerakan politik tersebut?

- A Memperjuangkan keadilan sosioekonomi
- B Menerima persamaan kewarganegaraan
- C Mengadakan pilihan raya Persekutuan
- D Membentuk parti politik kebangsaan

15 Senarai berikut merupakan peringkat pilihan raya sebelum merdeka.

- Pilihan raya peringkat perbandaran
- Pilihan raya peringkat negeri
- Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

Apakah tujuan pilihan raya tersebut?

- A Penyatuan negara dikukuhkan
- B Penggubalan undang-undang
- C Proses memilih wakil rakyat
- D Perpaduan kaum dibentuk

16 Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) menyaksikan berlaku perkembangan amalan demokrasi di negara kita.

Apakah bukti amalan demokrasi diamalkan pada masa kini?

- A Pemimpin dipilih oleh rakyat
- B Pemansuhan kuasa British
- C Pelantikan Ketua Menteri
- D Pengekalan kuasa sultan

17 Apakah tuntutan Raja-raja Melayu terhadap Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Menyatukan negeri-negeri Melayu
- B Melindungi keistimewaan orang Melayu
- C Menubuhkan Majlis Raja-raja Melayu
- D Mengetuai hal ehwal agama Islam

18 Apakah persamaan sumbangan tokoh-tokoh berikut?

- H.S. Lee
- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Encik Abdul Aziz Abdul Majid

- A Menubuhkan sistem Jemaah Menteri
- B Menyertai misi rundingan kemerdekaan
- C Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- D Memenangi pilihan raya Majlis Perbandaran

19 Permulaan sambutan kemerdekaan diraikan pada malam 30 Ogos 1957. Apakah lokasi sambutan kemerdekaan tersebut?

- A Padang Kelab Selangor
- B Padang Kelab Diraja
- C Stadium Merdeka
- D Stadium Negara

20 Sistem pemerintahan demokrasi memberi peluang rakyat untuk membentuk kerajaan. Bagaimanakah peluang tersebut dapat dicapai?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Meminda fasal dalam perlembagaan
- C Mengundi wakil untuk Dewan Negara
- D Memilih perwakilan melalui pilihan raya

21 Apakah takrifan kedaulatan menurut Bahasa Inggeris?

- A Agung atau tertinggi
- B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- C Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara
- D Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

22 Usaha untuk memupuk perpaduan kaum telah dilakukan oleh pemerintah dan rakyat sejak awal mencapai kemerdekaan.

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?

- I Memperuntukkan perbelanjaan
  - II Menggubal undang-undang
  - III Mematuhi undang-undang negara
  - IV Mengamalkan semangat perkongsian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23 Senarai berikut berkaitan dengan undang-undang yang dilaksanakan di Negeri-negeri Selat.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Apakah tujuan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Menghapuskan kuasa sultan
- B Membanteras ancaman lanun
- C Melindungi hak penduduk asal
- D Mengawal kemasukan jumlah imigran

24 Raja merupakan pemerintah tertinggi di peringkat negeri.  
Bagaimanakah baginda melaksanakan kuasa eksekutif di peringkat tersebut?

- A Melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
- B Melalui konsep Demokrasi Berparlimen
- C Melalui titah Yang di-Pertuan Agong
- D Melalui panduan Kerajaan negeri

25 Gambar berikut menjelaskan istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke XIV telah dilaksanakan pada hari Selasa, 30 Julai 2019.



Apakah kedudukan baginda seperti termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan?

- A Ketua Pemerintah
- B Ketua Utama Negara
- C Ketua Anak Negeri
- D Ketua Kerajaan

26 Apakah kedudukan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun?

- A Berkuasa dalam hal ehwal adat istiadat
- B Diiktiraf sebagai Penasihat Jepun
- C Berkuasa dalam hal ehwal tanah
- D Ketua hal ehwal agama Islam

- 27 Jelaskan apa yang akan berlaku kepada undang-undang Negeri, jika terdapat undang-undang di dalamnya yang bertentangan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan?
- A Undang-undang Persekutuan akan mengatasi undang-undang Negeri
  - B Undang-undang Negeri mengatasi undang-undang Persekutuan
  - C Undang-undang Persekutuan dimansuhkan
  - D Undang-undang Negeri digunakan
- 28 Keberkesanan penyelarasan dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat menjamin sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada perkara tersebut?
- A Kepatuhan kepada pemimpin
  - B Kesanggupan mengambil risiko
  - C Kesediaan menerima pengaruh luar
  - D Kepentingan penyelesaian melalui musyawarah
- 29 Mengapakah faktor keselamatan penting terhadap pembentukan Malaysia?
- A Membendung ancaman komunis
  - B Menghalang pengaruh imperialis luar
  - C Mempercepatkan kemerdekaan wilayah
  - D Mewujudkan pentadbiran yang sistematik
- 30 Pembentukan Malaysia telah ditentang hebat oleh Indonesia kerana menganggap Malaysia sebagai neokolonialisme atau satu penjajahan bentuk baharu. Siapakah dalang disebalik anggapan tersebut?
- A Orientalis Barat
  - B Golongan agama
  - C Penjajah Belanda
  - D Parti Komunis Indonesia
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A Mempelbagaikan keluaran komoditi negara
- B Memperbanyakkan pengeluaran bijih timah
- C Menarik kemasukan pelabur luar negara
- D Melibatkan kerjasama sektor swasta

- 32 Rusuhan kaum telah berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964. Mengapakah berlaku rusuhan kaum tersebut?
- A Ketidakseimbangan dalam sosioekonomi
  - B Perbuatan provokatif dalam berkempen
  - C Krisis perebutan kuasa pentadbiran
  - D Tuntutan persamaan hak

- 33 Dialog berikut mungkin berlaku semasa kejohanan Piala Thomas.

**Penonton I** : *Saya bangga dengan slogan “Malaysia Boleh”.*


**Penonton II** : *Saya juga pasti menggunakan slogan ini.*

**Penonton III** : *Slogan ini dapat membantu atlet kita.*

Apakah nilai yang diperoleh daripada slogan tersebut?

- A Bekerjasama
  - B Semangat kental
  - C Berpandangan jauh
  - D Hormat-menghormati
- 34 Bagaimanakah British melakukan pemisahan kaum di negara kita?
- I Perbezaan teknologi
  - II Perbezaan ekonomi
  - III Perbezaan petempatan
  - IV Perbezaan adat resam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 35 Kerajaan melakukan penyusunan semula corak tenaga kerja di pelbagai sektor dan pekerjaan dalam pembangunan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).  
Apakah kepentingan penyusunan tersebut?
- A Mengukuhkan komoditi utama negara
  - B Membaiki produktiviti pengeluaran negara
  - C Mencerminkan komposisi pelbagai kaum
  - D Meningkatkan daya saing masyarakat

- 36 Rajah berikut berkaitan dengan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

- A Hubungan keagamaan
  - B Hubungan ketenteraan
  - C Hubungan perdagangan
  - D Hubungan kekeluargaan
- 37 Gambar di bawah berkaitan dengan penganjuran Sukan Komanwel.



Apakah matlamat utama penganjuran Sukan Komanwel?

- A Memupuk kesedaran politik
  - B Mengeratkan hubungan
  - C Mengelakkan peperangan
  - D Memelihara hak asasi manusia
- 38 Gambar di bawah menunjukkan hubungan Malaysia dengan China pada tahun 1974.



Apakah kesan hubungan diplomatik tersebut?

- A Memeterai perjanjian
- B Mendapatkan pengiktirafan China
- C Menamatkan ancaman komunis di Malaysia
- D Membuktikan Malaysia mengamalkan dasar berkecuali

- 39** Deklarasi Langkawi diadakan pada Oktober 1989 bersempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Komanwel.  
Apakah kepentingan pengisytiharan tersebut?
- A** Dasar tidak memihak
  - B** Kemakmuran bersama
  - C** Memelihara alam sekitar
  - D** Antartika sebagai warisan sejagat
- 40** Mengapakah Malaysia melancarkan bantuan kemanusiaan kepada Aceh dan Sri Lanka pada tahun 2004?
- A** Bencana alam
  - B** Krisis politik
  - C** Peperangan
  - D** Pencabulan hak asasi manusia

### **Kertas Soalan Tamat**